

# DIATROL TABLET®

Loperamide Hydrochloride (2mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Diatrol Tablet
2. Bagaimana Diatrol Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Diatrol Tablet
4. Cara menggunakan Diatrol Tablet
5. Semasa menggunakan Diatrol Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Diatrol Tablet
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Diatrol Tablet

Diatrol Tablet digunakan untuk mengawal dan melegakan cirit-birit akut dan cirit-birit kronik yang berkaitan dengan penyakit keradangan usus. Pada orang yang mempunyai ileostomi (prosedur pembedahan di mana usus kecil akan disalurkan melalui pembukaan pada abdomen dan mengeluarkan sisa dari badan), ia boleh digunakan untuk mengurangkan bilangan dan jumlah najis.

## Bagaimana Diatrol Tablet berfungsi

Bahan aktif dalam ubat itu adalah loperamide memanjangkan masa transit kandungan usus. Ia mengurangkan jumlah najis harian, meningkatkan kelikatan dan ketumpatan pukal, dan mengurangkan kehilangan cecair dan elektrolit melalui kedua-dua cara iaitu meningkatkan penyerapan usus dan mengurangkan rembesan usus.

## Sebelum menggunakan Diatrol Tablet

### - Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Diatrol Tablet:

- Jika anda mempunyai hipersensitiviti kepada Loperamide atau bahan-bahan lain dalam produk ini.
- Jika anda mempunyai sembelit usus besar.
- Jika anda mempunyai keradangan kolon akut yang boleh disebabkan oleh antibiotik berspektrum luas.
- Jika anda mempunyai *acute dysentery* yang mempunyai gejala-gejala seperti najis berdarah dan demam tinggi.
- Jika kanak-kanak anda di bawah 6 tahun.
- Jika anda menyusu badan

### - Sebelum menggunakan Diatrol Tablet

Anda perlu semak dengan doktor anda:

- Jika anda atau fikir anda mungkin hamil
- Jika anda merancang untuk hamil
- Jika anda mempunyai penyakit kencing manis
- Jika anda mengalami cirit-birit akut yang dikaitkan dengan bakteria
- Jika anda kekurangan air dan garam dalam badan
- Jika anda mempunyai masalah atau hati.
- Jika anda mengalami cirit-birit akut dan keadaan anda tidak bertambah baik selepas 2 hari

Diatrol Tablet boleh digunakan semasa mengandung apabila diperlukan pada keadaan sahaja.

### - Jika menggunakan ubat- ubat lain

Tiada interaksi ubat telah dilaporkan kecuali ubat yang mempunyai farmakologi yang serupa. Adalah penting untuk memberitahu doktor atau ahli farmasi anda mengenai semua ubat-ubatan yang anda ambil, termasuk yang diperolehi tanpa preskripsi doktor.

## Cara menggunakan Diatrol Tablet

### - Berapa banyak harus digunakan

Anda perlu mengambil Diatrol Tablet dengan betul seperti yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi. Jumlah yang anda ambil setiap hari akan bergantung kepada keadaan anda.

Untuk dos dewasa :

Untuk cirit-birit akut, dos permulaan yang disyorkan adalah 2 tablet (4mg) diikuti dengan 1 tablet (2mg) selepas episod cirit-birit. Dos harian tidak boleh melebihi 8 tablet (16mg).Jangan mengambil lebih atau kurang daripada dos yang ditetapkan oleh doktor anda

Untuk cirit-birit kronik, dos permulaan yang disyorkan bagi loperamide adalah 2 tablet (4mg) diikuti dengan 1 tablet (2 mg) selepas setiap episod cirit-birit sehingga cirit-birit dikawal, selepas itu dos perlu dikurangkan untuk memenuhi keperluan individu. Apabila dos harian yang yang optima telah ditetapkan,maka jumlah ini perlu diambil sebagai dos tunggal atau dos berbahagi.

### - Bila perlu digunakan

Sila rujuk kepada doktor dan ahli farmasi.

### - Berapa lama perlu digunakan

Iikut arahan yang telah ditetapkan oleh doktor.

### - Jika terlupa menggunakan

Jangan gandakan dos anda untuk menggantikan dos yang terlepas. Ambil dos seperti biasa bila tiba waktu untuk dos seterusnya seperti biasa.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda mengambil terlalu banyak ubat-ubatan dengan tidak sengaja, hubungi doktor anda dengan segera atau mendapatkan rawatan perubatan. Pengambilan loperamide yang berlebihan boleh menyebabkan sembelit, tekanan pada sistem saraf pusat dan kerengsaan gastrousus.

## Semasa menggunakan Diatrol Tablet

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil Diatrol Tablet mengikut arahan doktor

### - Perkara yang tidak dilakukan

Jangan kongsikan ubat - ubatan anda dengan orang lain walaupun mereka mengalami keadaan yang sama.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Rujuk doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan yang dinyatakan.

## Kesan-kesan Sampingan

Seperti semua ubat-ubatan lain, Diatrol Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang akan mengalaminya. Kesan sampingan yang dilaporkan semasa kajian klinikal dengan loperamide HCl umumnya tidak serius. Kebanyakan biasanya diperhatikan semasa rawatan cirit-birit kronik

Aduan-aduan berikut pernah dilaporkan seperti sakit perut, sembelit, mengantuk atau pening, mulut kering, loya dan muntah-muntah, keletihan, tindak balas hipersensitiviti (termasuk ruam kulit).

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel : 03 78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers→ Reporting*).

---

## Cara penyimpanan dan pelupusan Diatrol Tablet

### - Penyimpanan

Simpan pada suhu 25°C. Lindungi daripada cahaya.

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat Lanjut

### - Rupa dan Warna Produk

Tablet bulat, cembung berwarna biru muda, tablet biasa dengan ukiran 'SW' di satu permukaan.

### - Bahan-bahan Kandungan

- Bahan aktif
  - Loperamide Hydrochloride
- Bahan tidak aktif
  - Sodium Starch
  - Lactose
  - Corn Starch
  - Lake Blue # 2
  - Magnesium Stearate

### - Nombor MAL

MAL20002519AZ

## Pengilang

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd. No. 9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman Perindustrian Tampoi Indah, 81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

## Pemegang Pendaftaran Produk

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd. No. 9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman Perindustrian Tampoi Indah, 81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

## Tarikh Kemaskini RiMUP

01/09/2015

## Nombor siri:

BPK(R4/1)260815/00282